

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**EMPAT BUAH SEKOLAH TERJEJAS RIBUT DI TELUK PANGLIMA
GARANG, BAIK PULIH AKAN DILAKSANAKAN SEGERA**

Kementerian Pendidikan (KPM) ingin memaklumkan bahawa kejadian ribut yang berlaku di Teluk Panglima Garang, Selangor pada petang Rabu telah menjejaskan empat buah sekolah iaitu SMK Sijangkang Jaya, SK Sijangkang Jaya, SK Kampung Medan dan SK Jalan Tanjung.

Pada waktu ini kerja pembersihan dan penilaian kerosakan sedang berjalan di semua sekolah terjejas. KPM memastikan kerja baik pulih akan segera dilaksanakan.

Semua sekolah terjejas akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam tempoh terdekat bagi membolehkan proses pembelajaran dapat diteruskan serta memastikan keselamatan murid, guru dan seluruh warga sekolah.

KPM menyeru jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pentadbir sekolah di seluruh negara untuk meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi cuaca tidak menentu pada ketika ini bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan seluruh warga pendidikan terpelihara.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
16 OKTOBER 2025**